



JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 7/2020

RUJUKAN : 29 MAC 2020



BANCI
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Penularan jangkitan COVID-19 sehingga kini telah menjangkau kepada **201 buah negara** dan statistik pada 27 Mac 2020 menunjukkan jumlah kumulatif kes positif di seluruh dunia telah pun **melebihi angka setengah juta** penduduk. Di Malaysia, gelombang kedua wabak ini yang dimaklumkan pada tempoh sebulan lalu (27 Februari 2020) sehingga kini telah mencatatkan ribuan kes jangkitan selepas merekodkan hanya 22 kes positif COVID-19 pada gelombang pertama. Menerusi statistik harian yang dilaporkan, peningkatan jangkitan kes yang ketara dilihat bermula seawal minggu pertama bulan Mac 2020. Pertambahan kes positif termasuk kematian yang meruncing memaksa Kerajaan Malaysia untuk memutuskan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula dari 18 Mac hingga 31 Mac 2020 dilanjutkan sehingga 14 April 2020 bertujuan membendung penyebaran jangkitan virus ini.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan **pada 29 Mac 2020 jangkitan kes baharu meningkat kepada 150 kes** menjadikan jumlah kumulatif kes positif di Malaysia sebanyak **2,470 kes dengan jumlah kematian direkodkan mencecah 35 kes** (sehingga jam 4.00 petang) berbanding 27 kes seperti yang dilaporkan semalam. Pada masa yang sama, terdapat **68 kes yang telah pulih** dan jumlah **keseluruhan kes discaj** adalah sebanyak **388 kes**. Pertambahan kes baharu ini antaranya adalah **menerusi peningkatan di kawasan lembah klang sebanyak 63 kes, Zon Selatan (34 kes) dan Pantai Timur (29 kes)** dengan menyumbang sebanyak **84 peratus** dari jumlah kes positif seperti Jadual 1. Menerusi penularan di peringkat daerah dan kawasan, sehingga kini **Lembah Pantai merekodkan jumlah jangkitan tertinggi diikuti Petaling dan Hulu Langat** dengan masing-masing mencatatkan lebih 200 kes positif manakala Seremban, Kluang dan Johor Bahru berada di dalam julat 87 hingga 101 kes.

Secara **umumnya di peringkat global, kes positif COVID-19 telah meningkat** kepada **664,974 kes** dengan **4.53% kematian atau 30,149 kes** seperti pada Jadual 2. **Amerika Syarikat** mencatatkan jumlah **kes positif COVID-19 tertinggi** mele过asi Itali dan China dengan jumlah **124,217 kes atau 18.7 peratus** daripada keseluruhan kes di seluruh dunia. **Itali kekal mendominasi bilangan kematian tertinggi di dunia dengan 10,023 kes** dengan **peratus kematian** dalam negara sebanyak **10.8 peratus**. Selain Itali, negara lain yang mencatatkan peratus kematian yang tinggi adalah Sepanyol sebanyak 7.8 peratus, Iran (7.1 peratus), Belanda (6.5 peratus) dan Perancis (6.1 peratus).

Berdasarkan perspektif ekonomi, impak pandemik COVID-19 memaksa kerajaan seluruh negara berhadapan dengan situasi penutupan penuh atau sementara operasi syarikat dan isu pemberhentian pekerja yang semestinya akan mengugat kestabilan ekonomi negara. Di Malaysia, **Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)** yang diumumkan pada 27 Mac 2020 **berjumlah RM250 bilion** (termasuk RM20 bilion pakej rangsangan yang pertama) menyasarkan objektif untuk menyokong kebajikan dan menjamin ekonomi kekal berdaya tahan dalam memerangi wabak COVID-19. **Suntikan fiskal sebenar** dari pihak kerajaan adalah **berjumlah RM25 bilion** dan **menyumbang kurang 5 peratus dari kepada Keluaran Dalam Negara Kasar**. Selain suntikan fiskal, antara lain sejumlah RM100 bilion adalah menerusi moratorium pinjaman, RM55 bilion dalam bentuk jaminan, RM40 bilion pengeluaran KWSP dan RM13 bilion sumber lain.

Di Singapura, parlimen negara itu telah meluluskan belanjawan tambahan bagi menyediakan **pakej rangsangan ekonomi berjumlah SGD48 bilion** pada 26 Mac 2020. Hakikatnya, kebanyakan pemimpin dunia membentangkan pakej rangsangan ekonomi bagi mengimbangi kesan penularan COVID-19 ini. **Menurut International Monetary Fund (IMF)**, pandemik global ini adalah lebih buruk berbanding krisis kewangan dunia pada 2009 dan **memerlukan sejumlah USD2.5 trillion** untuk menyelamatkan pasaran dunia. Di Amerika Syarikat, pakej rangsangan sebanyak USD2 trillion telah dibentangkan pada anggota kongres dan bersetuju untuk meluluskan pakej ini. Pada 24 Mac 2020 pula, parlimen Republik Czech mengumumkan perbelanjaan USD4 juta sebagai bantuan terus dan USD36.4 juta sebagai jaminan pinjaman kepada syarikat korporat.

Senario persekitaran ekonomi beberapa negara terpilih turut menunjukkan aliran menurun berdasarkan kepada beberapa petunjuk utama. Beberapa petikan perkongsian *headlines* pasaran ekonomi daripada bloomberg memberikan butiran berikut;

SWITZERLAND: Menteri Kewangan Switzerland menyatakan tabung pembiayaan pinjaman kepada IKS USD 21 bilion boleh ditingkatkan sekiranya perlu. Program pinjaman yang mula dilaksanakan pada minggu lepas telah menerima 30 ribu permohonan. Menurut UBS Group pula, kerajaan persekutuan Switzerland boleh memperuntukkan kira-kira €145 bilion tambahan perbelanjaan tanpa mengganggu penarafan AAA kredit antarabangsa negara tersebut. (Bloomberg)

AUSTRALIA: Jualan kediaman Australia menjunam setelah larangan lelongan awam dikuatkuasakan dalam langkah penjarakan sosial di negara tersebut. Sebanyak 40% daripada 3,203 harta yang dijadualkan dilelong telah ditarik balik sejurus selepas pengumuman dibuat. Sementara itu, daripada keseluruhan lelongan yang diteruskan pada hujung minggu, hanya 51.4% sahaja yang terjual iaitu terendah semenjak Jun 2019. (Bloomberg)

PERANCIS: Jumlah permohonan syarikat ke atas bantuan subsidi upah pekerja di Perancis meningkat kepada 220,000 sehingga jumaat lepas. Sektor pembuatan, perhotelan & restoran dan pembinaan dan peruncitan bukan makanan yang banyak memohon akibat terjejas teruk kesan daripada penularan COVID-19. Kerajaan Perancis telah memperuntukan USD 9.5 bilion bagi membantu syarikat menggaji sementara pekerja bagi tempoh 2 bulan. Di bawah program ini, syarikat perlu membayar 70% gaji kasar pekerja dan mendapat 100% pembayaran balik dari kerajaan. Program ini dijangka akan dimanfaatkan untuk 2.2 juta pekerja di Perancis. (Bloomberg).

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) **Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) adalah kira-kira 17 peratus kepada KDNK Malaysia**, manakala pakej rangsangan United Kingdom adalah 16 peratus, Amerika Syarikat 11 peratus dan Singapura 11 peratus.
- 2) Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid **menjangkakan penguncutan -1% bagi KDNK pada suku tahun pertama 2020**.
- 3) *Malaysian Association of Convention and Exhibition Organisers and Suppliers (MACEOS)* menyatakan **industri pengacaraan (events) telah mengalami kerugian sekurang-kurangnya RM1.5 bilion** sehingga 15 Mac 2020.
- 4) **Sektor pelancongan merekodkan penurunan hasil sebanyak 90 peratus** bagi bulan Mac 2020.
- 5) *Pharmaceutical Association of Malaysia (PhAMA)* memberi **jaminan bahawa bekalan produk dan perkhidmatan penting akan berterusan semasa tempoh PKP**.
- 6) Bagi melancarkan aliran tunai industri pembinaan, Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (MBAM) **berharap dapat menerima pembayaran segera membabitkan projek-projek kerajaan**, terutama bagi bulan Mac 2020 di semua peringkat.
- 7) Kerajaan Malaysia **telah menerima bekalan perubatan daripada Kedutaan Besar China** untuk memerangi penularan wabak COVID-19.

- 8) Pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan AS **bertindak menyekat import sarung tangan getah pakai buang keluaran syarikat berpejabat di Sepang**, WRP Asia Pacific Sdn Bhd (WRP) pada September 2019. Walau bagaimanapun, lonjakan permintaan serta kekurangan bekalan susulan penularan pandemik COVID-19 menyebabkan **AS tiada pilihan kecuali akur dan menarik balik sekatan terhadap syarikat itu** pada 23 Mac lepas.
- 9) Kementerian Pengangkutan mengarahkan supaya **barang di kawasan Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang, dan Pelabuhan Johor di Pasir Gudang dipindah** bermula 27 – 29 Mac 2020 bagi membuka ruang kepada barang keperluan asas yang diimport.
- 10) **Semua penerbangan antarabangsa dan domestik AirAsia Malaysia digantung sementara** dari 28 Mac hingga 21 April 2020.
- 11) **Getah menjadi tumpuan** di saat-saat sukar apabila transformasinya dalam bentuk sarung tangan, terbukti menjadi penyelamat nyawa sehinggakan **negara ekonomi terbesar dunia turut memuji produk komoditi keluaran Malaysia itu**. Minyak sawit Malaysia turut berperanan membantu dunia membendung Covid-19.
- 12) **2,300 pekebun sayur di Cameron Highlands** mengalami kerugian sebanyak RM11 Juta ekoran permintaan di pasaran jatuh merundum sepanjang pelaksanaan PKP.
- 13) **Top Glove Corporation Bhd** berusaha menambah 1,000 pekerja dalam usaha **meningkatkan pengeluaran sarung tangan** di mana kapasiti pengeluaran telah ditingkatkan sebanyak 30 peratus dengan penambahan mesin baru pada setiap minggu.
- 14) **Malaysian Institute of Economic Research (MIER)** menjangkakan **seramai 2.4 juta orang bakal kehilangan pekerjaan** di mana 67 peratus daripadanya merupakan kategori pekerja tidak mahir.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p>Mustapa: RM250b stimulus package among largest in world</p> <p>Malaysia's Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN) is among the largest in the world.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/29/mustapa-rm250b-stimulus-package-among-largest-in-world
2.	The Malaysia Reserve	<p>Malaysia's economy expected to contract in 1Q20</p> <p>MALAYSIA'S economy is likely to contract in the January through March period as key sectors are battered by the novel coronavirus pandemic.</p> <p>Key sectors like tourism, manufacturing, exports, commodity, oil and gas, construction and public consumption have either come to a grinding halt or slowing to levels last seen during the global financial crisis of 2008/2009.</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/03/27/malaysias-economy-expected-to-contract-in-1q20/
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> Artikel 1 – Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) adalah kira-kira 17 peratus kepada KDNK Malaysia, manakala pakej rangsangan United Kingdom adalah 16 peratus, Amerika Syarikat 11 peratus dan Singapura 11 peratus. Artikel 2 - Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid menjangkakan penguncupan KDNK -1% pada suku pertama (1Q20). 			
Maklumbalas Bahagian:			
<ol style="list-style-type: none"> Data bagi bulan Januari 2020 yang sedia ada tidak menggalakkan dengan penurunan eksport nominal 1.5%, Indeks Pengeluaran Perindustrian menjadi sederhana kepada 0.6% dan Indeks Pengurus Pembelian berada di bawah garis sempadan 50 mata. 			

B.	Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
	A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit		
1.	Malaysia Kini	<p>Pulau Pinang tutup pasar Kompleks Sri Aman Paya Terubong</p> <p>Kompleks Sri Aman di Paya Terubong, George Town telah ditutup operasinya oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berkuat kuasa semalam setelah pengunjung yang hadir ke pasar itu gagal mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan dari segi jarak sosial.</p>	https://www.malaysiakini.com/news/517503
	B. Subsektor Pengangkutan		
2.	FlightGlobal	<p>AirAsia and AirAsia X to be grounded from 28 March</p> <p>Malaysian low-cost carriers AirAsia and AirAsia X will suspend operations from 28 March due to growing border restrictions imposed by various countries amid the coronavirus.</p> <p>AirAsia will be grounded until 21 April 2020, while long-haul carrier AirAsia X is to be grounded until 31 May 2020.</p>	https://www.flightglobal.com/networks/airasia-and-airasia-x-to-be-grounded-from-28-march/137576.article
	C. Subsektor Makanan & Minuman		
3.	The Star	<p>How established restaurants are coping with the abrupt transition from dine-in to delivery during the MCO</p> <p>Some restaurants registered to get on board of FoodPanda, Grab Food but with so many dining options on the sites, it might not significantly change sales of the business that</p>	https://www.thestar.com.my/food/food-news/2020/03/29/how-established-restaurants-are-coping-with-the-abrupt-transition-from-dine-in-to-delivery-during-the-mco

		depends on restaurants experience.	
D. Subsektor Kesihatan Swasta			
4.	The Edge	<p>One or two hotspot areas in Selangor may undergo enhanced MCO — Health D-G</p> <p>Selangor has recorded 33 new cases today, bringing cumulative total in the state to 612 cases or 24.78% out of 2,470 cases nationwide. This was followed by Kuala Lumpur (372) and Johor (309).</p> <p>Government has 35 labs including 7 private sector labs available to conduct Covid-19 tests.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/one-or-two-hotspot-areas-selangor-may-undergo-enhanced-mco-%E2%80%94-health-dg
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Semua penerbangan antarabangsa dan domestik AirAsia Malaysia digantung sementara dari 28 Mac hingga 21 April 2020. 2. Restoran mengekalkan operasi mereka semasa MCO dengan beralih kepada kaedah takeaway yang menawarkan menu “top selling” dan juga dengan menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan seperti FoodPanda dan Grab Food. 			
Maklumbalas Bahagian:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Penutupan kompleks pasar akibat dari mengingkari larangan PKP akan beri impak kepada subsektor peruncitan di kawasan berkenaan. 2. Penggantungan operasi sementara AirAsia dan AirAsia X akan mengakibatkan kehilangan kapasiti ketara bagi Malaysia. Kedua-duanya menyumbang hampir 47% keupayaan Malaysia pada bulan Februari, atau bersamaan dengan 2.3 juta tempat duduk. 3. Penglibatan makmal perubatan swasta dalam menjalankan pengujian Covid 19 akan menyumbang peningkatan kepada prestasi subsektor kesihatan swasta. 4. Industri pelancongan termasuk aktiviti MICE turut terkesan akibat pembatalan dan penangguhan acara perniagaan semasa tempoh PKP. 			

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p>World's largest glove maker sees shortage as coronavirus fight spikes</p> <p>Malaysia's Top Glove Corporation Bhd, which makes one in every five gloves globally, expects a product shortage as demand from Europe and the United States spikes because of the widening coronavirus outbreak is exceeding its capacity.</p> <p>The company has extended shipping times to cope with the demand surge. Orders received in the past few weeks, mainly from Europe and the United States, were almost double the company's production capacity.</p> <p>The World Health Organisation (WHO) warned on Friday that the "chronic global shortage of personal protective gear" is among the most urgent threats to the virus containment efforts.</p>	https://www.thestar.com.my/news/world/2020/03/29/worlds-largest-glove-maker-sees-shortage-as-coronavirus-fight-spikes
2.	Astro Awani	<p>Sarung tangan getah, minyak sawit Malaysia bantu dunia perangi COVID-19</p> <p>Sarung tangan getah</p> <p>Getah menjadi tumpuan di saat-saat sukar apabila transformasinya dalam bentuk sarung tangan, terbukti menjadi penyelamat nyawa sehingga negara ekonomi terbesar dunia turut memuji</p>	http://www.astroawani.com/berita-bisnes/sarung-tangan-getah-minyak-sawit-malaysia-bantu-dunia-perangi-covid-19-235790

	<p>produk komoditi keluaran Malaysia itu.</p> <p>Kedutaan Besar Amerika Syarikat (AS) menerusi ciapan twitter rasminya turut berkongsi maklumat bahawa 65 peratus atau 225 bilion helai sarung tangan yang digunakan oleh barisan wiranya - saintis, doktor, jururawat dan petugas di barisan hadapan, didatangkan dari Malaysia.</p> <p>Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA) terpaksa mendapatkan kebenaran kerajaan untuk beroperasi pada kapasiti penuh walaupun di tengah-tengah pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) demi menampung lonjakan mendadak permintaan sarung tangan getah.</p> <p>Kondom</p> <p>Pengeluar tempatan satu lagi produk berasaskan getah iaitu kondom, menjangkakan berlakunya pengurangan mendadak produk itu berikutan perlu menggantung operasi susulan PKP.</p> <p>Karex Berhad yang mengeluarkan satu daripada lima kondom dunia, tidak mengeluarkan sebarang produk itu sejak 18 Mac lepas apabila PKP dikuatkuasakan.</p> <p>Susulan lanjutan tempoh PKP sehingga 14 April ini, bekalan</p>	
--	---	--

		<p>kondom juga dikatakan berdepan tekanan dan kekurangan ketara itu berkemungkinan besar disusuli dengan kelahiran ramai bayi dalam tempoh 10 bulan atau seterusnya.</p> <p>Minyak Sawit</p> <p>Minyak sayuran itu yang meletakkan Malaysia sebagai pengeluar utama, banyak digunakan sebagai pengganti bahan surfaktan berasaskan petroleum bagi tujuan pembuatan sabun dan pencuci.</p> <p>Malaysia mengeksport kira-kira 20 juta tan minyak sawit mentah dan kalangan penganalisis bimbang pengeluaran komoditi itu akan terjejas jika pandemik itu berlarutan dan mengekang keupayaan negara memenuhi permintaan global.</p> <p>Jumlah simpanan minyak sawit Malaysia susut 4.2 peratus kepada 1.68 juta tan pada Februari 2020 daripada 1.76 juta tan pada bulan sebelumnya.</p>	
3.	Malay Mail	<p>Freight forwarders in the dark about where to send goods in stricter Covid-19 shutdown</p> <p>Transport Minister Datuk Seri Wee Ka Siong was earlier reported as saying that the three shipping ports (Port Klang, the Penang Port and Pasir Gudang port in Johor) have neared 100 per cent capacity, after the transfer of</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/29/freight-forwarders-in-the-dark-about-where-to-send-goods-in-stricter-covid/1851296#.XoAgz6rS8bw.whatsapp

	<p>goods to storage warehouses was ceased, prior to being sent to their final destinations.</p> <p>Freight forwarding industry players are unclear where their cargo may be delivered under the movement control order (MCO).</p> <p>Approximately 70 per cent of cargo at the port are non-essential goods, comprising building material, chemicals and steel bars.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Terdahulu, Malaysia dikecam Amerika Syarikat (AS) atas dakwaan salah satu syarikat tempatan menggunakan khidmat buruh paksa dalam operasinya. Berikutan itu, pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan AS bertindak menyekat import sarung tangan getah pakai buang keluaran syarikat berpejabat di Sepang, WRP Asia Pacific Sdn Bhd (WRP) pada September 2019. Bagaimana pun, lonjakan permintaan serta kekurangan bekalan susulan penularan pandemik COVID-19 menyebabkan AS tiada pilihan kecuali akur dan menarik balik sekatan terhadap syarikat itu pada 23 Mac lepas.
2. Dijangka berlakunya pengurangan mendadak produk berasaskan getah iaitu kondom, berikutan pengeluar tempatan perlu menggantung operasi susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Karex Berhad yang mengeluarkan satu daripada lima kondom di dunia, tidak mengeluarkan sebarang produk itu sejak 18 Mac lepas apabila PKP dikuatkuasakan.
3. Pengeluaran minyak sawit mentah dikhuatiri akan terjejas jika pandemik itu berlarutan dan mengekang keupayaan negara bagi memenuhi permintaan global. Jumlah simpanan minyak sawit Malaysia susut 4.2 peratus kepada 1.68 juta tan pada Februari 2020 daripada 1.76 juta tan pada bulan sebelumnya.
4. Terdahulu, Kementerian Pengangkutan mengarahkan supaya barang di kawasan Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang, dan Pelabuhan Johor di Pasir Gudang dipindah bermula 27 – 29 Mac 2020 bagi membuka ruang kepada barangan keperluan asas yang diimport. Namun, bagi syarikat pengangkutan dan pengimport barangan berkenaan, mereka mahu tahu di mana mereka boleh menyimpan barangan yang dihantar, sedangkan perkhidmatan tidak penting kini tidak dibenarkan beroperasi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Malaysia merupakan pengeksport utama di dunia bagi sarung tangan perubatan (HS Code: 4015) di mana nilai eksport pada tahun 2019 mencecah RM 17.4 bilion. Tiga destinasi utama eksport Malaysia bagi tahun 2019 ialah Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun. Nilai eksport bagi sarung tangan perubatan dijangka akan meningkat pada tahun 2020 disebabkan permintaan yang tinggi ketika penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia.
2. Malaysia juga merupakan antara pengekport utama di dunia bagi kondom (HS Code: 4014100000) dengan nilai eksport pada tahun 2019 berjumlah RM322.1 juta. Destinasi utama eksport kondom pada tahun 2019 ialah Afrika Selatan (RM33.6 juta – 10.4%), China (RM30.3 juta – 9.4%) dan Brazil (RM21.7 juta – 6.7%). Nilai eksport kondom dijangka akan menurun pada tahun 2020 berikutan pengeluar utama tempatan iaitu Karex Berhad tidak mengeluarkan sebarang produk kondom sejak 18 Mac 2020 apabila PKP dikuatkuasakan
3. Malaysia merupakan negara yang kedua tertinggi mengekport minyak sawit mentah (HS: 1511) selepas Indonesia. Nilai eksport minyak sawit mentah pada tahun 2019 ialah RM34.5 bilion manakala nilai import minyak sawit mentah pada tahun 2019 ialah RM2.3 bilion. Malaysia mengeksport minyak sawit mentah ke India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Sumber utama import ialah dari Indonesia yang bernilai RM 2.1 bilion. Nilai eksport minyak sawit mentah pada tahun 2020 dijangka akan berkurang berikutan pengeluaran komoditi itu dikhuatir akan terjejas jika pandemik COVID-19 itu masih berlarutan.
4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani	<p>MBAM harap kerajaan perkenal langkah khas untuk industri binaan</p> <p>Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (MBAM) berharap kerajaan dapat memberi Lanjutan Masa (EOT) membabitkan projek-projek kerajaan dan swasta sepanjang tempoh penularan COVID-19.</p>	http://www.astroawani.com/berita-malaysia/mbam-harap-kerajaan-perkenal-langkah-khas-untuk-industri-binaan-235759

		<p>Ini termasuk masa remobilisasi bagi mengurangkan tekanan terhadap syarikat kontrak terbabit dan mengelak mereka daripada dikenakan penalti Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) akibat isu tidak dijangkakan dan di luar kawalan.</p>	
2.	New Straits Times	<p>Indonesian migrants in Malaysia 'going hungry' during MCO</p> <p>AN INDONESIAN lawmaker has urged her government to look into the plight of Indonesian citizens working in Malaysia who are under a movement control order (MCO) because of the Covid-19 pandemic.</p> <p>Christina Aryani of the Golkar Party said many of our migrant workers in Malaysia are construction workers, factory workers, waitresses or janitors. They are paid daily or weekly.</p> <p>The director of the Indonesian Citizen Resolution Centre in Malaysia, Datuk M Zainul Arifin, said many migrant workers are afraid they might go hungry. Indonesian migrant workers in Malaysia aren't afraid of Covid-19, they are afraid that they will be starving since they can no longer work. He also said the problem is worsened by the fact that many are in Malaysia illegally.</p>	<p>https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/579214/indonesian-migrants-malaysia-going-hungry-during-mco</p>

3.	The Star	<p>Pharmaceutical association working closely with MITI to minimise disruption to businesses during MCO</p> <p>The Pharmaceutical Association of Malaysia (PHAMA) has assured the public of continued supply of essential products and services during the movement control order (MCO) period.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/23/pharmaceutical-association-working-closely-with-miti-to-minimise-disruption-to-businesses-during-mco
4.	BERNAMA	<p>Tiga jenis ubat boleh digunakan rawat COVID-19 - KP Kesihatan</p> <p>Bekalan ubat Klorokuin, Hidroksiklorokuin dan kombinasi Lopinavir/Ritonavir sedia ada di Malaysia yang digunakan untuk merawat penyakit lain, boleh digunakan dalam rawatan COVID-19.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1826229

Penemuan penting & isu:

1. Bagi melancarkan aliran tunai industri, MBAM berharap dapat menerima pembayaran segera membabitkan projek-projek kerajaan, terutama bagi Mac 2020 di semua peringkat. Selain itu, mereka berharap agar Kerajaan akan mempertimbang pengecualian levi untuk pekerja memperbaharui permit kerja selama setahun dan membernarkan pembayaran levi pekerja asing baharu secara suku tahunan selama dua tahun selepas COVID-19 dapat dibendung.
2. Pharmaceutical Association of Malaysia (Phama) memberi jaminan bahawa bekalan produk dan perkhidmatan penting akan berterusan semasa tempoh PKP.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemantauan berterusan bagi industri getah dan pertubuhan-pertubuhan berprofil tinggi dalam survey pembuatan bulanan rujukan Februari-Mac 2020.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p>Don't forget SMEs in tourism sector</p> <p>The Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA) urge government's support for the needs of SMEs in tourism industry. This industry has facing 90% falling in revenues in March due to COVID-19 and expecting a near-total loss in business for the next three consecutive months.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/29/dont-forget-smes-in-tourism-sector
2.	Berita Harian	<p>Kerajaan China sumbang bekalan perubatan</p> <p>Kedutaan Besar China di Malaysia menyumbangkan pelbagai bekalan perubatan kepada Kementerian Kesihatan dalam usaha memerangi dan sebagai perlindungan kepada barisan hadapan yang sangat terdedah kepada wabak COVID-19. Sumbangan yang dihulurkan itu adalah atas dasar hubungan baik antara Malaysia dan China yang terjalin sejak sekian lama.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/670445/kerajaan-china-sumbang-bekalan-perubatan

Penemuan penting & isu:

- PKS dalam industri pelancongan memerlukan bantuan kerajaan disebabkan oleh penurunan hasil sebanyak 90 peratus pada Mac 2020.
- Kerajaan Malaysia telah menerima bekalan perubatan daripada Kedutaan Besar China untuk memerangi penularan wabak COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

- Kejatuhan hasil industri pelancongan akan memberi kesan dalam penyusunan statistik komponen perjalanan di bawah Akaun Semasa.
- Sumbangan bekalan perubatan daripada kerajaan China bakal dilihat kesannya dalam penyusunan statistik Pendapatan Sekunder.

F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>Maxis tawar 1GB data percuma setiap hari</p> <p>Maxis Bhd, menawarkan data percuma 1 gigabait (GB) setiap hari kepada pelanggan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 1 hingga 14 April.</p> <p>Tawaran ini diberikan kepada pelanggan pascabayar Maxis, pascabayar Maxis Business, prabayar Hotlink dan pascabayar Hotlink.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/03/670602/covid-19-maxis-tawar-1gb-data-percuma-setiap-hari
2.	Bernama	<p>Pertumbuhan penggunaan, inflasi akan catat peningkatan sekali</p> <p>Pertumbuhan penggunaan dan inflasi akan mencatat peningkatan ‘one-off’ atau sekali akibat penyusutan penggunaan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menurut Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS).</p> <p>Pertumbuhan penggunaan swasta dijangka berkurangan dan seiring impak PKP ke atas perniagaan, akan wujud tekanan deflasi.</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1826312
